

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 143

MENGESAHKAN SENARAI NILAIAN BARU

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 137, 141, 142 dan 163, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*), Majlis Daerah Simpang Renggam dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah menyediakan nilai **448 pegangan tambahan Senarai Nilai Baru** bagi Senarai Nilai Sediaada di kawasan Mukim Ulu Benut, Machap, Layang-Layang dan Renggam di dalam kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam bagi maksud pengenaan cukai harta yang akan dikuatkuasakan pada **1hb Januari 2026**.

Maka itu, pemberitahuan bahawa peruntukan seksyen 143, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri telah mengesahkan 448 pegangan tambahan Senarai Nilai Baru bagi Senarai Nilai Sediaada menggunakan Aras Nilai Tahun 2020 dan kadar berpanduan kepada jenis pegangan dan kegunaannya yang terpakai untuk seluruh kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam dengan kadar sediaada yang telah berkuatkuasa pada 1hb Januari 2025.

Senarai Nilai Baru yang telah diluluskan dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri ini terpakai sehingga suatu masa ianya digantikan dengan Senarai Nilai lain dan Senarai Nilai yang telah disahkan oleh pihak Berkuasa Negeri ini akan disimpan oleh Majlis Daerah Simpang Renggam. Semua pemunya dan penduduk boleh memeriksa Senarai Nilai itu di pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam, Jalan Persiaran Muafakat, 86200 Simpang Renggam, Johor pada waktu pejabat.

Bertarikh: 18hb Disember 2025
[SUKJ.KT.700-21/14/2 JLD 3(14)]

MOHD IZZUL HELMI BIN AHMAD
Yang Dipertua
Majlis Daerah Simpang Renggam

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(ACT 171)**

NOTIFICATION UNDER SECTION 143

CONFIRMATION OF NEW VALUATION LIST

IN exercise of the powers conferred by Sections 137, 141, 142 and 163, Local Government Act 1976 (Act 171), Simpang Renggam District Council with the approval of the State Authority has prepared a valuation of **448 additional holdings of the New Valuation List** for the Existing Valuation List in the area of Mukim Ulu Benut, Machap, Layang-Layang and Renggam within the Simpang Renggam District Council area for the meaning of the property tax which will be enforced on **1st January 2026**.

Hence, notice that under the provisions of section 143, Local Government Act 1976, the State Authority has confirmed 448 additional holdings of the New Valuation List for the Existing Valuation List using Tone of the List 2020 and rate based on the type and usage of holdings that applies within the administration of Simpang Renggam District Council area with the existing rate that has come into effective on 1st January 2025.

The New Valuation List which has been approved and confirmed by the State Authority applies until such time as it is replaced by another Valuation List and the Valuation List which has been confirmed by the State Authority will be kept by the Simpang Renggam District Council. All owners and residents can check the Valuation List Simpang Renggam District Council Office, Jalan Persiaran Muafakat, 86200 Simpang Renggam, Johor during office hours.

Dated: 18th December 2025
[SUKJ.KT.700-21/14/2 JLD 3(14)]

MOHD IZZUL HELMI BIN AHMAD
President
Simpang Renggam District Council